

Proton kembali mengeksport kenderaan

KUALA LUMPUR – Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Proton) mengembalikan semula am mengeksport kenderaannya ke Asia Barat menerusi penghantaran kenderaan ke Aqaba, Jordan. Ini merupakan usaha pertama yang dilakukan sejak syarikat kereta nasional itu menjalin usaha sama dengan Geely Holding Group (Geely). Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Radzaif Mohamed Ali, kereta yang akan tiba di Aqabamudiannya akan diedarkan ke seluruh negara jiran lain. Penghantaran sulung ini terdiri daripada model-model yang mampu bertahan kukuh di pasaran Asia

Malay. Ia menunjukkan ketertarikan terhadap kereta nasional ini terbukti apabila terdapat permintaan kereta yang aktif di pasaran berkenaan meskipun jumlah eksport yang sedikit beberapa tahun

yang rendah ini merupakan titik peralihan buat Proton kerana kami kini berfokuskan dan meningkatkan pengeluaran kereja ke Asia Barat pada masa akan datang,” katanya. Beliau berkata demikian dalam satu sidang media bersempena penghantaran kenderaan untuk dieksport semula melalui kapal kargo Grand Diamond di Pelabuhan Klang, Selangor



RADZAIF (empat dari kiri) bersama Li (tiga dari kanan) bergambar pada majlis penghantaran sulung kenderaan Proton ke Asia Barat di Pelabuhan Klang semalam.

di sini semalam.

Eksport terbesar terakhir Proton adalah ke Mesir pada tahun 2015.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Dr. Li Chunrong berkata, walaupun pasaran Asia Barat memandangkan tinggi pada produk-produk dari negara Islam seperti Malaysia dan permintaan bagi kereta akan terus berkembang ekoran ekonomi rantau itu yang lebih maju, namun pasaran

ASEAN akan kekal sebagai keutamaan perniagaan eksport Proton.

“Kami teruja dengan peluang yang ada di rantau ini, malah Proton turut memanfaatkan operasi rangkaian luar negara Geely untuk meningkatkan keberkesanan kos operasinya.

“Syarikat juga sedang mengenal pasti semua peluang yang ada untuk mengembangkan jumlah eksport,” katanya.

Industri gula semakin mencabar

KUALA LUMPUR – Pengeluar gula tempatan kini beroperasi dalam suasana perniagaan yang mencabar bagi memastikan kelangsungan bekalan gula kepada rakyat Malaysia serta simpanan yang mencukupi untuk negara.

MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn. Bhd. (CSR) dalam satu kenyataan bersama berkata, meskipun kos perniagaan kini meningkat seperti gaji minimum, tarif gas dan elektrik, harga siling bagi gula bertapis tetap kekal pada RM2.95 satu kilogram (kg).

“Selain itu, industri turut terpalit dengan impak aktiviti terlarang seperti penyeludupan masuk gula yang menggugat isu berkaitan halal, piawaian kualiti serta keperluan pensijilan mandatori yang lain.

“Ini merupakan cabaran berterusan yang perlu dihadapi oleh industri gula di Malaysia.

“Bagaimanapun, kami terus komited dalam memberikan kestabilan pada pengguna di samping mengekalkan kualiti gula pada harga yang ditetapkan,” katanya di sini semalam.

Menurut kenyataan yang sama, sejajar dengan tanggungjawab pengeluar tempatan untuk memastikan bekalan gula mencukupi di Malaysia, sejumlah kuantiti gula akan disimpan bagi memastikan bekalan cukup ketika berlaku peningkatan harga gula mentah dunia.

MSM di bawah FGV Holdings Bhd. serta CSR di bawah Tradewinds (M) Bhd. merupakan dua pengeluar gula di Malaysia dengan lima kilang penapisan gula termasuk di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor yang dijadualkan beroperasi pada bulan ini.